

PERJUMPAAN BERSAMA ALUMNI UTeM (AUTeM)

17/08/2021, 4:00 petang

YBhg. Prof. Madya Ir. Dr. Md. Nazri bin Othman

Penolong Naib Canselor (Jaringan Industri dan Masyarakat)

Ts. Dr. Khairuddin bin Osman

Pengarah Pusat Pengurusan Alumni dan Kebolehpasaran Graduan
(PPAKG)

Delegasi AUTeM:

1. En Mohd Zulkiflie Ali bin Mohd Ghazaly (Presiden AUTeM)
2. En Mohd Johari @ Esa bin Mohd Rashid (Timbalan Presiden)
3. En. Fairuz bin Mohd Rashid (Bendahari Kehormat)
4. En Lokman Al Hakim bin Huzaimi
(Exco Kerjaya dan Jaringan Industri)
5. En Ahmed Akmal bin Abdul Wahid
(Exco Penerangan dan Komunikasi Korporat)

Wakil-wakil Penyelaras Alumni Fakulti

Wakil-wakil Chapter Alumni UTeM

TALKING POINTS:

1. Terima kasih kepada wakil Persatuan Alumni UTeM kerana sudi meluangkan masa untuk bersama-sama dalam perjumpaan petang ini, walaupun masing-masing sibuk dengan komitmen tugas hakiki yang lain.

2. Pertemuan kita pada petang ini merupakan pertemuan kali kedua selepas pertemuan sesi perkenalan yang diadakan secara fizikal pada Ogos tahun lepas. Pertemuan bersama pengurusan Universiti wajar diadakan secara berkala, tidak kisahlah bersama Naib Canselor mahupun PNC JIM, kerana engagement sebegini dapat merapatkan lagi ukhwah dan jaringan baik antara Alumni UTeM dan pihak Universiti.
3. Perjumpaan pada petang ini juga adalah lanjutan daripada sesi pembentangan pencapaian pertengahan tahun UTeM's Seven Strategic Goals 2021-2025 pada minggu lepas.
4. Sebagai makluman AUTeM, UTeM SSG telah memulakan pelan tindakannya secara berfasa bermula awal tahun ini, untuk tempoh berakhir sehingga 2025. Pada masa kini, pihak Universiti sedang dalam proses untuk menerbitkan dokumen penuh UTeM SSG, dan Insya Allah proses ini akan berakhir sedikit masa lagi.



5. Dalam merealisasikan UTeM SSG ini, peranan Alumni UTeM amatlah diharapkan untuk menyokong pihak Universiti mencapai sasaran yang ditetapkan. Sebenarnya, Alumni UTeM boleh menyumbang sebarang bentuk idea, kepakaran, pengalaman dan pelbagai bentuk bantuan lain kepada Universiti untuk mencapai sasaran setiap matlamat dalam UTeM SSG ini.
6. Sepertimana yang semua sedia maklum, UTeM telah gazetkan tarikh 1 Disember setiap tahun sebagai Hari Alumni UTeM, dan alhamdulillah sambutan kali pertama pada tahun lepas, AUTeM dengan kerjasama Pejabat PNC JIM telah menganjurkan sesi forum dan perkongsian secara virtual.
7. Manakala Majlis Alumni Universiti Awam Malaysia pula telah memilih tarikh 18 Julai setiap tahun sebagai sambutan Hari Alumni Universiti Awam Malaysia.
8. Pihak Universiti amat mengharapkan pelbagai program perkongsian dapat diteruskan secara berkala, sebagai contoh dua bulan sekali ataupun tiga bulan sekali. Sebagai mentor kepada siswa/siswi UTeM, Alumni UTeM diharapkan dapat memberi semangat, pendedahan dan pengalaman baru kepada adik-adik yang masih di dalam pengajian berkaitan rahsia kejayaan Alumni UTeM yang berjaya menamatkan pengajian dengan cemerlang mahupun berjaya di bidang pekerjaan yang diceburi.
9. Platform perkongsian ini juga boleh digunakan untuk memberi pendedahan kepada siswa/siswi UTeM berkenaan senario dan cabaran semasa alam pekerjaan, sebagai persediaan kepada mereka kelak.
10. Selain itu, Universiti juga amat memerlukan kerjasama dan sumbangan berterusan daripada Alumni UTeM khususnya dalam memberikan sumbangan kepada pihak Universiti

menerusi tabung endowmen, sumbangan dan wakaf bagi menyokong kelestarian proses perkembangan ilmu di Universiti. Sebagai makluman AUTeM, hampir 60% populasi siswa/siswi UTeM terdiri daripada mereka yang tergolong dalam kumpulan B40. Justeru, sumbangan ikhlas dari semua pihak amatlah diharapkan, bagi mengurangkan bebanan siswa/siswi ini.

11. Saya telah dimaklumkan AUTeM telah mewujudkan "Bakul Kasih AUTeM" sebagai satu inisiatif AUTeM dalam membantu alma mater sepanjang tempoh PKP berlangsung. Pada Aidiladha yang lepas, menerusi inisiatif ini AUTeM telah menyumbangkan makanan kering, keperluan asas dan juadah hari raya. Alhamdulillah, sesungguhnya usaha murni ini amat dihargai oleh pihak universiti. Syabas semua atas keprihatinan yang diberikan.
12. Bagi pihak Universiti, saya meletakkan harapan yang tinggi kepada alumni UTeM untuk terus menabur bakti kepada universiti ini. Insya Alllah, usaha kita bersama ini dapat menyumbang kearah kejayaan UTeM yang lebih cemerlang dan gemilang.
13. Sekian, terima kasih.

- OPEN FOR DISCUSSION-